

Sambutan Hari Guru Peringkat Sekolah 2025

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN PERUMAHAN BEDAUN



Labuan – Pada 16 Mei 2025, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun telah mengadakan sambutan Hari Guru peringkat sekolah dengan penuh meriah dan bersemangat. Majlis ini dianjurkan oleh Kelab Guru dan Staf dengan sokongan aktif daripada para pengawas sekolah, sebagai tanda penghargaan kepada jasa dan pengorbanan para pendidik.

Majlis dimulakan dengan aktiviti kerohanian berupa bacaan Surah Yasin oleh warga sekolah bagi memohon keberkatan dan kesejahteraan buat para guru. Seterusnya, nyanyian lagu kebangsaan *Negaraku*, *Lagu Wilayah Persekutuan* dan *sekolah*, disusuli dengan bacaan doa yang dipimpin oleh pengawas sekolah, Mohammad Muazhadif 5 Delta.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengetua sekolah, Puan Norazita Binti Md Nor @ Shamsuri, yang menekankan peranan penting guru dalam membentuk sahsiah dan masa depan generasi muda. Beliau turut merakamkan penghargaan terhadap dedikasi guru-guru dalam mendidik anak bangsa.

Majlis diteruskan dengan tayangan video ucapan Hari Guru daripada para pelajar, yang menyentuh hati para guru dengan mesej-mesej penuh kasih sayang dan penghargaan. Persembahan multimedia yang menyentuh hati tersebut dihasilkan oleh Nur Khairunnisa 4 Alfa dengan bimbingan Cikgu Rosenani Farera Michael

Segmen persembahan pula dimulakan dengan nyanyian duet oleh NurHazira Aleysha dan Farah Dania Natasya, yang mempersempahkan lagu bertajuk Hero. Kemuncak majlis adalah penyampaian anugerah penghargaan kepada guru-guru dalam pelbagai kategori sebagai tanda pengiktirafan terhadap usaha dan pencapaian mereka. Majlis diakhiri dengan persembahan nyanyian kedua oleh Mohamad Hanif Ezaril dari 4 PVMA, yang menyerikan lagi suasana dengan lagu yang bertajuk Laskar Pelangi.

Sambutan ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara guru dan pelajar, malah membuktikan semangat kekeluargaan dan penghargaan yang tinggi dalam kalangan warga SMK Taman Perumahan Bedaun. Semoga sambutan seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai penghormatan kepada para guru yang menjadi tulang belakang kejayaan negara.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun